

## **Pembelajaran Sepanjang Hayat Pasca-Pandemik : Kajian Kes Kolej Komuniti Kuantan**

**Mohamad Khir Johari Jamaludin\*, Mohd Hariz Ibrahim dan  
Azliza Yusop**

Kolej Komuniti Kuantan

\*Pengarang Perantara: khir\_johari@kkkua.edu.my

### **Abstrak**

Kajian ini bertujuan meneliti kesan pandemik COVID-19 terhadap sistem pendidikan di Malaysia, khususnya dalam mempromosikan pembelajaran sepanjang hayat dan penilaian pembelajaran yang lebih fleksibel. Transformasi ini juga melibatkan penerimaan penggunaan platform pembelajaran atas talian, menjadikan pembelajaran sepanjang hayat sebagai strategi pendidikan yang penting untuk ketahanan individu, pemulihian ekonomi, dan kemajuan masyarakat dalam dunia pasca-pandemik. Metodologi kajian melibatkan kajian kes di Kolej Komuniti Kuantan dengan menggunakan wawancara semi-terstruktur, pengamatan, dan analisis dokumen berkaitan pembelajaran sepanjang hayat (PSH). Sampel kajian terdiri daripada individu-individu yang terlibat dalam pembelajaran sepanjang hayat dari pelbagai latar belakang demografi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa gangguan yang disebabkan oleh pandemik telah mencetuskan perubahan paradigma dalam sikap terhadap pendidikan, dengan pembelajaran sepanjang hayat mendapat perhatian yang lebih besar. Ini memungkinkan individu dari pelbagai latar belakang untuk memperoleh kemahiran baru dan kompetensi yang diperlukan dalam pasar kerja yang berkembang pesat. Kesimpulannya, pembelajaran sepanjang hayat adalah penting untuk menghadapi ketidakpastian dunia pasca-pandemik. Kajian ini menggariskan peranan pembuat dasar, pendidik, dan industri dalam memupuk budaya pembelajaran sepanjang hayat dan memastikan program-program pendidikan sesuai untuk inovasi dan pertumbuhan ekonomi.

**Katakunci:** COVID-19; Kajian Kes; Pasca Pandemik; Pengajaran Sepanjang Hayat.

## **1.0 Pengenalan**

Pada 31 Disember 2019, dunia dikejutkan dengan kemunculan wabak yang tidak dikenal pasti di Wuhan, China. Kemunculan wabak ini telah menyebabkan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah mengistiharkan kecemasan kesihatan antarabangsa dan seterusnya mengelaskan COVID-19 adalah sebagai pandamik pada awal Mac 2020 (WHO, 2020). Keadaan ini telah memberi kesan besar terhadap setiap sektor termasuk sektor pendidikan. Penutupan pintu sempadan bagi mengekang penularan wabak ini adalah salah satu langkah penting yang di ambil oleh kebanyakan negara di seluruh dunia termasuk Malaysia. Pandemik COVID-19 secara drastiknya telah memberi kesan yang besar di dalam pendidikan. Salah satu kesan yang amat ketara adalah terhadap pembelajaran sepanjang hayat (PSH), iaitu konsep yang menggalakkan pencarian ilmu secara berterusan dan bermotivasi sendiri untuk pembangunan peribadi dan profesional.

Pandemik ini juga memberi kesan kepada pekerjaan dan menyebabkan peningkatan kadar pengangguran yang signifikan. Antara sektor yang terjejas teruk berbanding sektor lain adalah sektor perkhidmatan, perhotelan, pembuatan dan peruncitan (Abdul Aziz, 2020). Oleh yang demikian, PSH memainkan peranan penting dalam membantu pekerja yang diberhentikan akibat daripada pandemik COVID-19 dengan memberikan mereka peluang untuk meningkatkan kemahiran dan mempelajari kemahiran baru yang relevan dengan pasaran kerja yang sedang berubah (Amini et al., 2024). Kolej komuniti di Malaysia telah menyesuaikan program mereka untuk memenuhi keperluan pekerja yang terjejas ini, dengan menekankan konsep PSH atau program khas kursus jangka pendek yang membolehkan peserta kembali ke pasaran kerja dengan kompetitif. Sejauh mana PSH memainkan peranan penting dalam membantu pekerja yang diberhentikan akibat pandemik COVID 19 masih menjadi perdebatan di antara penyelidik terutamanya dari perspektif Kolej Komuniti Kuantan (Azharina et al., 2023; Liana, 2022).

Tiada kajian terdahulu yang menfokuskan kesan daripada peningkatan kemahiran dan mempelajari kemahiran baru dengan menyertai kursus jangka pendek dan program latihan yang di sediakan oleh pihak Kolej Komuniti Kuantan. Oleh yang demikian kajian ini di jalankan adalah untuk menjawab soalan kajian; apakah program yang mendapat permintaan yang tinggi dan apakah kesan terhadap peserta yang menyertai PSH yang di anjurkan oleh Kolej Kumuniti Kuantan.

## **2.0 Sorotan Kajian**

Sorotan kajian ini merujuk kepada penyelidikan dan kajian lepas yang berkaitan COVID-19 terutamanya kajian berkaitan hubungan antara pembelajaran sepanjang hayat (PSH) dengan pasca pandemik dan implikasi pasca pandemik pembelajaran sepanjang hayat (PSH) terhadap komuniti setempat yang menyertai kursus tersebut yang terkesan dengan penularan COVID-19

## **2.1 Pembelajaran Sepanjang Hayat**

PSH ditakrifkan sebagai "semua aktiviti pembelajaran yang dilakukan sepanjang hayat, dengan tujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran, dan kompetensi dalam perspektif peribadi, sivik, sosial dan/atau pekerjaan" (Melesse et al., 2023). Ia merangkumi pembelajaran formal, tidak formal, dan tidak rasmi. Pandemik telah menekankan keperluan untuk sistem pendidikan yang lebih fleksibel, adaptif, dan mudah diakses yang menyokong PSH. Fleksibiliti untuk belajar pada kadar dan kemudahan sendiri telah menjadi semakin penting apabila individu menghadapi cabaran baru dalam dunia yang cepat berubah (Avis, 2023).

PSH boleh ditakrifkan sebagai pembelajaran berterusan yang berlaku pada setiap peringkat umur dan dalam pelbagai konteks kehidupan. Ia merangkumi tiga kategori utama iaitu pembelajaran formal iaitu pembelajaran yang berlaku dalam institusi pendidikan seperti sekolah, kolej, dan universiti, yang biasanya diakhiri dengan sijil atau kelayakan yang diiktiraf (Nkrumah et al., 2023). Seterusnya adalah pembelajaran tidak formal iaitu pembelajaran yang berlaku di luar sistem pendidikan formal, tetapi masih dalam persekitaran yang berstruktur, seperti kursus-kursus kemahiran, bengkel, dan latihan di tempat kerja. Akhir sekali adalah pembelajaran tidak rasmi. Pembelajaran yang berlaku melalui pengalaman harian, interaksi sosial, dan aktiviti-aktiviti yang tidak berstruktur, seperti pembelajaran kendiri, membaca, dan menonton dokumentari. Secara dasarnya, objektif pembelajaran sepanjang hayat bertujuan untuk memastikan individu terus meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka sepanjang hidup mereka, agar dapat menyesuaikan diri dengan perubahan dalam pasaran kerja dan masyarakat.

## **2.2 Kesan Pandemik COVID-19 Terhadap Pembelajaran Sepanjang Hayat**

Pandemik COVID-19 telah memberi impak yang besar terhadap sektor pendidikan (Dooley et al., 2024). Antara kesan yang amat ketara akibat daripada pandemik COVID-19 adalah seperti peralihan kepada pembelajaran dalam talian, peningkatan keperluan untuk kemahiran ilmu digital, fleksibiliti dalam pembelajaran dan pengajaran. Selain daripada itu, kesan psikologi terhadap pelajar dan pendidik juga adalah antara kesan besar yang melanda sektor pendidikan di Malaysia.

Dari sudut implikasi ekonomi, statistik menunjukkan peningkatan kehilangan pekerjaan dikalangan pekerja di Malaysia dan peningkatan perlunya ilmu kemahiran untuk kekal kompeten di dalam pasaran kerja yang dinamik. Pandemik COVID-19 telah memberi kesan seperti kehilangan pekerjaan dan menyebabkan peningkatan kadar pengangguran yang signifikan. Antara sektor yang terjejas berbanding dengan sektor yang lain adalah sektor perkhidmatan, perhotelan, pembuatan dan peruncitan (Abdul Aziz, 2020). Penutupan perniagaan dan sekatan pergerakan yang dikenakan untuk membendung penyebaran virus merupakan antara faktor kes penagangguran meningkat. Seterusny, golongan muda dan pekerja berkemahiran rendah lebih terdedah kepada kehilangan pekerjaan.

Peralihan kepada PSH adalah salah satu perubahan yang amat ketara. Kolej Komuniti dan juga institusi pendidikan yang lain telah mengambil tindakan drastik dengan meningkatkan penawaran kursus program PSH di dalam talian supaya seiring dengan keadaan semasa. Seterusnya dengan pengenalan platform pembelajaran dalam talian ianya telah menjadikan pendidikan lebih mudah di akses oleh mereka yang tidak mempunyai peluang menyertai kelas bersemuka disebabkan oleh kekangan geografi, kewangan, dan masa (Håkansson Lindqvist et al., 2024).

Peralihan kepada pembelajaran dalam talian juga memberi pelbagai cabaran dan peluang. Menurut kajian lepas, isu teknikal, kekurangan literasi digital, dan ekses kepada internet yang selamat adalah halangan terbesar bagi kebanyakkan pelajar. Untuk mengatasi masalah tersebut, pelbagai inisiatif telah dijalankan seperti menyediakan peranti digital dan akses internet kepada pelajar yang memerlukan.

Perubahan dalam kurikulum dan kaedah pembelajaran akibat daripada COVID-19 memaksa institusi pendidikan untuk menilai semula dan menyesuaikan kurikulum dan kaedah pengajaran mereka. Sebagai contoh, terdapat peralihan ketara ke arah pembelajaran yang lebih praktikal dan berasaskan kemahiran yang selaras dengan permintaan yang berubah dalam pasaran kerja. Fokusnya adalah pada pembangunan kemahiran digital, pemikiran kritis, dan kebolehsuaian, yang penting dalam dunia pasca-pandemik.

### **2.3 Pengangguran di Malaysia**

Peningkatan pembangunan ekonomi sesebuah negara berkait rapat dengan guna tenaga dan kadar pengangguran. Pengangguran merupakan fenomena biasa bagi sesebuah negara. Pengangguran juga dapat dikategorikan kepada dua bahagian iaitu pengangguran jangka pendek yang mana ianya merupakan satu proses semulajadi bagi individu-individu yang bergerak di antara satu pekerjaan ke pekerjaan yang lain atau pergerakan daripada alam persekolahan ke pasaran kerja. Manakala sesetengah pengangguran lain pula mengambil masa beberapa bulan mungkin disebabkan kesukaran mencari pekerjaan (Asri et al., 2022). Kadar pengangguran merupakan petunjuk yang penting dalam melihat prestasi sesebuah negara.


Sesebuah negara dikatakan mempunyai pertumbuhan yang mampan jika kadar penganggurannya rendah. Sebaliknya jika kadar pengangguran tinggi, bermakna berlakunya pembaziran sumber manusia. Masalah pengangguran merupakan satu daripada masalah ekonomi yang sangat penting dan harus ditangani dalam pasaran buruh. Berdasarkan definisi Pertubuhan Buruh Antarabangsa atau International Labour Organisation (ILO), kadar pengangguran yang kurang daripada 4% dikira sebagai guna tenaga penuh (full employment). Bagi Malaysia, ekonomi negara masih kekal pada tahap guna tenaga penuh dengan kadar pengangguran di bawah 4 peratus semenjak 1990an. Bagi tahun 2019, kadar pengangguran di Malaysia dicatatkan pada kadar 3.3% (Mohd Farique & Mohd Fauzi, 2021).

Rajah 1 menunjukkan bagi tahun 2020, kedudukan tenaga buruh Malaysia terjejas akibat krisis kesihatan dan kesan ekonomi, menyebabkan kadar pengangguran mencecah 4.5 peratus berbanding 3.3 peratus pada tahun sebelumnya. Kadar pengangguran tahunan meningkat 1.2 peratus kepada 4.5 peratus pada 2020, kadar tertinggi sejak tahun 1993. Bilangan penganggur bertambah sebanyak 39.9 peratus kepada 711,000 orang berbanding 508,200 orang pada 2019 (Abdul Aziz, 2020).



**Rajah 1:** Pengangguran 1982 – 2020

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2009



**Rajah 2:** Labour Force in Malaysia, March 2020

Sumber: Key Statistics Of Labour Force in Malaysia, Mac 2020

Situasi yang dihadapi pasaran tenaga kerja negara selaras dengan peringkat global yang turut berada dalam situasi yang tidak menentu sepanjang tahun 2020 yang mengakibatkan kehilangan pekerjaan dan pengurangan jam bekerja serta sumber pendapatan disebabkan COVID-19 dan langkah mengekang penularan wabak dilaksanakan kebanyakan negara. Malaysia juga tidak terkecuali berdepan dengan kesan luar jangka ekonomi dan sosial, mengakibatkan kadar pengangguran negara mencecah lebih empat peratus buat pertama kalinya dalam tempoh hampir tiga dekad.

### **3.0 Metodologi Kajian**

Metodologi kajian adalah aspek penting dalam setiap kajian yang dijalankan. Bagi kajian ini, pendekatan kualitatif telah dipilih untuk mendapatkan pemahaman mendalam tentang pengalaman peserta kursus PSH. Kajian kualitatif melalui kajian kes ini akan menggunakan beberapa teknik pengumpulan data yang berbeza dan analisis data menggunakan analisis “*thematic*”.

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kes untuk menyelidiki secara mendalam tentang fenomena yang dikaji dalam konteks sebenar. Kajian kes dipilih kerana ia membolehkan penyelidik untuk mendapatkan gambaran yang komprehensif tentang pengalaman peserta kursus PSH di Kolej Komuniti Kuantan. Reka bentuk ini sesuai untuk menjawab soalan kajian yang memerlukan penerokaan terperinci dan pemahaman mendalam tentang konteks dan dinamik yang kompleks.

Proses pengumpulan data dalam kajian ini melibatkan beberapa teknik untuk memastikan data yang dikumpulkan adalah komprehensif dan mendalam. Teknik yang digunakan termasuk temu bual mendalam, analisis dokumen, dan catatan lapangan. Temu bual mendalam adalah teknik utama yang digunakan dalam kajian ini. Temu bual mendalam dijalankan dengan peserta kursus pendek di Kolej Komuniti Kuantan. Proses temu bual mendalam ini bertujuan untuk mendapatkan pemahaman mendalam tentang pengalaman, pandangan, dan persepsi mereka terhadap kursus yang diikuti. Seramai tiga puluh orang peserta yang menyertai kursus pendek anjuran PSH dari Kolej Komuniti Kuantan terlibat didalam temubual yang di jalankan setiap hujung minggu. Setiap temubual ini mengambil masa lebih kurang lima belas sehingga tiga puluh minit dan setiap temubual ini direkod menggunakan mesin penrekodan.

Prosedur temu bual yang telah dilaksanakan termasuklah pemilihan peserta. Pemilihan peserta ini adalah dikalangan peserta kursus PSH dan dipilih berdasarkan kriteria tertentu yang relevan dengan soalan kajian. Antara kriteria pemilihan adalah peserta merupakan pekerja yang terkesan akibat daripada pandemik COVID-19. Temubual secara bersemuka telah di jalankan dan setiap sesi temu bual direkodkan dengan kebenaran peserta. Soalan yang diajukan adalah separuh berstruktur, membolehkan peserta untuk memberikan jawapan yang terperinci dan bebas tentang topik yang dikaji. Setiap solan telah di bahagikan kepada beberapa bahagian. Contoh soalan termasuk: "Bagaimana pengalaman anda mengikuti/mengajar kursus pendek ini?" dan "Apakah cabaran utama yang anda hadapi semasa kursus ini?". Untuk menjawab solan kajian, dokumen berkaitan kursus pendek di Kolej Komuniti Kuantan juga di analisia untuk mendapatkan maklumat tambahan dan sokongan kepada data yang diperolehi melalui temubual. Laporan penilaian dan laporan maklum balas daripada peserta kursus merupakan antara dokumen yang di analisa.

Data yang diperolehi telah melalui proses analisis. Pendekatan analisis “*thematic*” dan menganalisa dokumen telah digunakan di dalam kajian ini.


Proses analisis “*thematic*” di mulai dengan proses terjemahan temubual dan kemudian diikuti dengan proses pengekodan. Temubual yang telah direkodkan di terjemahan dengan teliti untuk memastikan tiada maklumat penting yang tertinggal. Proses terjemahan merupakan proses pertama di dalam proses analisis data dan ianya dilakukan secara manual.

Antara prosedur yang telah dilaksanakan didalam penyelidikan kualitatif termasuk; responden telah dihubungi untuk menjelaskan kerelevanan penyertaan responden di dalam kajian ini. Selain daripda itu, panduan mengumpul data dan maklumat temubual telah di hantar kepada responden sebelum temubual dilaksanakan untuk memastikan responden bersedia.

#### **4.0 Analisis dan Perbincangan**

Maklumat dari temubual bersama pensyarah di kolej Komuniti Kuantan telah di analisis dan dibentangkan untuk menjawab persoalan pertama kajian, iaitu apakah program yang mendapat permintaan yang tinggi. Berdasarkan maklumat yang diberikan program berbentuk teknikal dan praktikal mendapat penyertaan yang lebih tinggi berbanding program berbentuk teori. Antara contoh program yang mendapat permintaan tinggi adalah seperti kemahiran perniagaan dan pemasaran digital, kursus membaiki peralatan elektrik dan elektronik, komputer dan teknologi maklumat. Selain itu kursus keusahawanan dan penyediaan makanan dan katering antara kursus yang mendapat permintaan yang tinggi dikalangan para peserta. Ini terbukti dengan statistik yang menunjukkan kursus elektrik dan elektronik jumlah peserta 3194 (20.47%).

Kluster ini mempunyai peratusan peserta tertinggi, iaitu 20.47%. Ini menunjukkan minat yang tinggi dalam bidang teknikal dan elektronik, yang mungkin berkaitan dengan permintaan tinggi dalam pasaran kerja untuk kemahiran teknikal. Kluster katering dan sajian di kedudukan kedua dengan 2160 jumlah peserta (13.85%) menunjukkan bahawa terdapat minat yang signifikan dalam bidang katering dan penyediaan makanan. Bidang ini penting dalam industri perkhidmatan dan hospitaliti yang mana merupakan industri yang terjejas ketika pandemik COVID-19. Perniagaan dan keusahawanan dengan 1649 peserta (10.57%), kluster ini menunjukkan minat yang kukuh dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Ini mencerminkan kesedaran yang semakin meningkat tentang pentingnya kemahiran keusahawanan dalam ekonomi semasa (rujuk Jadual 1: Penyertaan Mengikut Kluster Kursus 2021-2023).



**Rajah 1:** Penyertaan Mengikut Kluster Kursus (2021-2023)

Sumber: Sistem pelaporan e-PSH 2021, 2022 & 2023

Selain daripada itu, hasil dari temubual dengan pensyarah dan juga kakitangan pentadbiran yang mengelola program PSH menyatakan jumlah penyertaan kursus yang ditawarkan menunjukkan peningkatan yang ketara daripada tahun 2021 dengan jumlah penyertaan 3863 orang peserta dan merekodkan peningkatan penyertaan sebanyak 11%, 2022 dengan jumlah penyertaan 5728 orang peserta dan 2023 dengan jumlah penyertaan 6589 orang peserta menunjukkan peningkatan sebanyak 4% (rujuk Jadual 2: Jumlah peserta Kursus 2021-2023).




**Rajah 2:** Jumlah Peserta 2021-2023

Sumber: Sistem pelaporan e-PSH 2021, 2022 & 2023

Selain daripada itu, kluster penyertaan daripada kategori belia menunjukkan trend peningkatan yang konsisten dan signifikan setiap tahun sepanjang tempoh lima tahun. Peningkatan ini menunjukkan program PSH memenuhi kehendak kumpulan belia dan juga mencerminkan kesedaran dan minat di dalam kalangan golongan belia untuk mendapatkan latihan dan kemahiran baru yang terkini. Kursus yang ditawarkan kepada peserta dapat menjadikan

peserta lebih berdaya saing dan kompetitif terutamanya di dalam pasaran kerja yang tidak menentu dan mencabar.

Kategori miskin tegar menunjukkan penurunan yang ketara pada tahun 2019, tetapi jumlah peserta meningkat semula pada tahun-tahun berikutnya, mencapai jumlah tertinggi pada tahun 2023. Ini menunjukkan bahawa terdapat usaha berterusan untuk membantu golongan miskin tegar melalui program pendidikan dan latihan, terutamanya dalam tempoh pemulihian ekonomi selepas pandemik.



**Rajah 3:** Kluster Penyertaan Mengikut Kumpulan Fokus

Sumber: Sistem pelaporan e-PSH 2021, 2022 & 2023

Berdasarkan analisa daripada temubual bersama peserta kursus PSH, terdapat enam tema yang dapat dikategorikan. Antara tema-tema tersebut dapat dilihat di jadual 4. Kesan positif yang pertama adalah peningkatan kemahiran dan kopetensi di kalangan peserta PSH. Peningktan kemahiran dan kompetensi adalah hasil daripada menghadiri kursus PSH dimana kursus yang ditawarkan dapat meningkatkan kemahiran teknikal seperti penguasaan alat dan teknologi, kemahiran interpersonal seperti keupayaan berkomunikasi dan bekerjasama dengan orang lain.

Selain daripada itu peserta juga dapat meningkatkan kemahiran pengurusan dimana peserta dapat mengurusakan masa, projek dan sumber dengan lebih baik. Peningkatan kebolehpasaran di dalam pekerjaan merupakan antara kesan terhadap peserta kusus. Hasil daripada dapatan kajian, peningkatan pasatan dalam pekerjaan adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti pengiktirafan profesional dimana kursus yang ditawarkan oleh PSH dari Kolej Komuniti adalah berasaskan pensijilan dan kelayakannya diiktiraf. Tambahan lagi, dengan adanya sijil kelayakkan ini, ianya membolehkan peserta PSH medapat akses kepada peluang pekerjaan yang lebih baik. Seterusnya sejajar dengan konsep PSH yang menawarkan kursus secara teknikal dan “hands-on” peserta juga mendapat pengalaman praktikal yang diperolehi dengan menghairi kursus jangka pendek anjuran PSH.

Seterusnya, peningkatan keyakinan diri dan kepuasan diri juga merupakan antara kesan positif yang dialami oleh peserta program PSH. Peningkatan ini

diperolehi melalui pembangunan peribadi dimana majoriti responden bersetuju iaitu menghadiri kursus PSH telah memberi mereka perubahan dari segi kemajuan dalam kemahiran diri dan pengetahuan. Responden juga berpendapat, mereka dapat kepuasan kesan daripada tercapainya matlamat peribadi yang mana sebelum ini mereka tidak perolehi kesan daripada COVID-19. Selain itu, peserta PSH juga memperolehi motivasi dan aspirasi untuk mencapai lebih banyak kejayaan dan kemajuan dalam kehidupan dan kerjaya.

**Jadual 1:** Kesan Terhadap Peserta Yang Menyertai Pembelajaran Sepanjang Hayat

Persoalan Kajian	Kod deduktif	Kaedah Pengumpulan Data	Kod Awalan	Kod Kategori
RQ2: Apakah kesan terhadap peserta yang menyertai pembelajaran sepanjang hayat yang di anjurkan oleh Kolej Komuniti Kuantan	Kesan terhadap peserta kursus	Temubual	<p><b>Kemahiran Teknikal:</b> Penguasaan alat dan teknologi khusus.</p> <p><b>Kemahiran Interpersonal:</b> Keupayaan berkomunikasi dan bekerjasama dengan orang lain.</p> <p><b>Kemahiran Pengurusan:</b> Pengurusan masa, projek, dan sumber.</p> <p><b>Pengiktirafan Profesional:</b> Pensijilan dan kelayakan yang diiktiraf.</p> <p><b>Peluang Pekerjaan:</b> Akses kepada peluang pekerjaan yang lebih baik.</p> <p><b>Pengalaman Kerja:</b> Pengalaman praktikal yang diperolehi dengan menghadiri Kurus jangka pendek</p> <p><b>Pembangunan Peribadi:</b> Kemajuan dalam kemahiran diri dan pengetahuan.</p> <p><b>Pencapaian Peribadi:</b> Kepuasan daripada mencapai matlamat peribadi.</p> <p><b>Motivasi dan Aspirasi:</b> Dorongan untuk mencapai lebih banyak dalam kehidupan dan kerjaya</p>	<p><b>Peningkatan kemahiran dan kompetensi</b></p> <p><b>Peningkatan kebolehpasaran dalam pekerjaan</b></p> <p><b>Peningkatan keyakinan diri dan kepuasan diri</b></p>
RQ2: Apakah kesan terhadap peserta yang menyertai pembelajaran sepanjang hayat yang di anjurkan oleh Kolej Komuniti Kuantan	Kesan terhadap peserta kursus	Temubual	<p><b>Adaptasi Teknologi:</b> Pembelajaran dan penggunaan teknologi baru.</p> <p><b>Pengetahuan Pasaran:</b> Pemahaman tentang keadaan semasa ekonomi dan pasaran.</p> <p><b>Fleksibiliti Kerjaya:</b> Keupayaan untuk berpindah antara pelbagai peranan dan industri.</p> <p><b>Pendapatan dan Ekonomi:</b> Peningkatan dalam pendapatan dan stabiliti kewangan.</p> <p><b>Jaringan Sosial:</b> Hubungan dan jaringan yang lebih luas.</p> <p><b>Sumbangan kepada Komuniti:</b> Peranan aktif dalam masyarakat dan pembangunan sosial di Kawasan sekitar</p> <p><b>Kesihatan Mental:</b> Pengurusan tekanan dan keseimbangan kerja-hidup.</p> <p><b>Kepuasan Kerja:</b> Kepuasan dalam peranan pekerjaan dan kerjaya.</p> <p><b>Sokongan Emosi:</b> Akses kepada sokongan dan bantuan emosi</p>	<p><b>Penyesuaian kepada perubahan ekonomi dan teknologi</b></p> <p><b>Peningkatan kesejahteraan sosial dan ekonomi</b></p> <p><b>Kesejahteraan mental</b></p>

Antara kesan lain yang diperolehi oleh peserta PSH ialah penyesuaian kepada perubahan ekonomi dan teknologi. Dengan menghadiri program PSH para peserta dapat mengadaptasi teknologi terkini, mendapat lebih pengetahuan mengenai keadaan ekonomi dan pasaran semasa. Maklumat ini penting kepada peserta terutamanya peserta yang terlibat di dalam sektor perniagaan dan keusahawanan. Seterusnya, peningkatan kesejahteraan sosial dan ekonomi. Peserta PSH dapat meningkatkan pendapatan dan seterusnya

dapat menyumbang kepada ekonomi setempat. Ini terbukti apabila terdapat peserta PSH memulakan perniagaan setelah menghadiri program PSH. Selain daripada dapat meningkatkan pendapatan dan stabiliti kewangan, pembukaan perniagaan oleh peserta PSH juga telah membuka atau memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat. Seterusnya menjadikan ia salah satu sumbangan kepada komuniti setempat. Selain itu, responden juga melaporkan bahawa mereka dapat meningkatkan jaringan sosial.

Akhir sekali, antara kesan yang diperolehi dari peserta PSH ialah kesejahteraan mental. Dengan menghadiri program PSH para peserta secara tidak langsung memperoleh kesihatan mental dimana mereka dapat menguruskan tekanan dan keseimbangan hidup. Sebagai contoh dengan menghadiri kursus PSH, peserta pendawian elektrik dapat melakukan pekerjaan “*part-time*” yang berkait rapat dengan pendawaian elektrik di sekitar tempat tinggal. Selain daripada mendapat pendapatan sampingan kesan daripada pemberhentian kerja akibat COVID-19, peserta juga dapat menguruskan tekanan dengan lebih baik. Rumusan kesan terhadap peseta PSH adalah seperti dalam Jadual 4.

## 5.0 Rumusan dan Cadangan

Pembelajaran sepanjang hayat memberikan pelbagai manfaat positif kepada peserta, dari peningkatan kemahiran dan kebolehpasaran, peningkatan keyakinan diri dan kepuasan diri, penyesuaian kepada perubahan ekonomi dan teknologi, peningkatan kesejahteraan sosial dan ekonomi, penglibatan dalam komuniti, hingga kepada kesejahteraan mental. Melalui program ini, peserta bukan sahaja dapat meningkatkan taraf hidup mereka tetapi juga menyumbang kepada pembangunan masyarakat secara keseluruhan. Dalam dunia yang sentiasa berubah, pembelajaran sepanjang hayat adalah kunci untuk kekal relevan dan berjaya.

Pengalaman pandemik telah mengukuhkan pentingnya pembelajaran sepanjang hayat sebagai keutamaan strategik untuk institusi pendidikan dan pembuat dasar. Kolej Komuniti, bersama dengan institusi pendidikan lain, perlu terus mengutamakan pembelajaran sepanjang hayat untuk memastikan individu dilengkapi untuk menghadapi ketidakpastian masa depan. Ini termasuk membina kerjasama dengan industri, kerajaan, dan pihak berkepentingan lain untuk mewujudkan ekosistem pembelajaran yang holistik.

Memandangkan pembelajaran sepanjang hayat ini telah diterima dan mendapat permintaan yang tinggi dari masyarakat cadangan penambahbaikan program ini amatlah penting supaya ianya kekal relevan dalam membantu masyarakat berdaya saing. Anatara cadangan adalah penambahbaikan kurikulum dan kandungan program. Ini amat penting supaya program yang di tawarkan adalah selaras dengan keperluan industri. Mengemaskini kurikulum secara berkala untuk memastikan program relevan dengan keperluan semasa dan masa depan industri. Ini boleh melibatkan kolaborasi dengan pemain industri untuk mendapatkan input tentang kemahiran yang diperlukan.

Pengemaskinian kurikulum dan kandungan program dapat memberi manfaat kepada peserta dan juga institusi yang menawarkan program tersebut. Seterusnya supaya dapat memastikan peserta kursus memperoleh kemahiran yang berkaitan dan dapat diterapkan dalam pasaran kerja. Selain itu, peningkatan kualiti pengajaran merupakan antara cadangan yang penting dimana pihak Kolej Komuniti menyediakan latihan untuk tenaga pengajar. Menyediakan latihan yang berterusan untuk tenaga pengajar dalam penggunaan teknologi pendidikan, strategi pengajaran yang efektif, dan perkembangan terkini dalam bidang mereka adalah antara strategik yang dapat dilaksanakan supaya Kolej Komuniti tetap menjadi pilihan peserta untuk menyertai program pengajian sepanjang hayat. Latihan ini juga dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan memastikan tenaga pengajar sentiasa berusaha memberikan pendidikan yang terbaik.

### Rujukan

- Abdul Aziz, A. R. (2020). Pengangguran dalam kalangan Tenaga Kerja Semasa Wabak COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(11), 1–9. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i11.539>
- Amini, M., Ravindran, L., & Lee, K. (2024). Adapting Education Shifts in Malaysia After COVID-19: A Comprehensive Review of Flexible Assessments , Lifelong Learning Initiatives , and Diversified Learning Trajectories. *Asian Journal of Assessment in Teaching and Learning*, 14(1), 1–14.
- Asri, M. A. bin M., Possumah, B. T., & Laksito, G. S. (2022). The Relationship between Gross Domestic Product, Foreign Direct Investments, Inflation Rate and Unemployment in Selected ASEAN Countries. *Journal of Madani Society*, 1(2), 80–96. <https://doi.org/10.56225/jmsc.v1i2.131>
- Avis, J. (2023). A critical review of debates surrounding race/ethnicity and TVET. *Journal of Vocational Education and Training*, 75(1), 175–184. <https://doi.org/10.1080/13636820.2022.2158360>
- Azharina, T., Azman, B., Zainudin, L. B., & Tawang, M. Bin. (2023). Kajian Pasaran Program Sijil Teknologi Senibina Di Kolej Komuniti Kuantan Market Study of Architecture Technology Certificate Programme At Kuantan Community College. *Jurnal Al-Sirat*, 02(23), 90–104. <https://ejournal.unipsas.edu.my>
- Dooley, K., Aquilia, P., Berry, M., Frankham, B., Hart, P., & Verdon, J. (2024). Exploring the continuing effects of COVID-19 on tertiary screen production education in Australia. *Media Practice and Education*, 1–18. <https://doi.org/10.1080/25741136.2024.2358269>
- Håkansson Lindqvist, M., Mozelius, P., Jaldemark, J., & Cleveland Innes, M. (2024). Higher education transformation towards lifelong learning in a digital era-a scoping literature review. *International Journal of Lifelong Education*, 43(1), 24–38. <https://doi.org/10.1080/02601370.2023.2279047>
- Liana, A. S. (2022). Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Platform Semasa Pdpt & Masalah Kemudahan Internet: Kajian Di Kalangan Pelajar Diploma Logistik Polisas. *Jurnal Kejuruteraan, Teknologi Dan Sains Sosial*, 8(1), 38–45.

- Melesse, S., Haley, A., & Wärvik, G. B. (2023). Bridging the skills gap in TVET: a study on private-public development partnership in Ethiopia. *International Journal of Training Research*, 21(3), 171–186. <https://doi.org/10.1080/14480220.2022.2159854>
- Mohd Farique, M. A., & Mohd Fauzi, M. A. (2021). Implikasi Pandemik COVID-19 terhadap Ekonomi Global dan Ekonomi Malaysia. *International Journal of Interdisciplinary and Strategic Studies*, 2(1), 122–129. <https://doi.org/10.47548/ijistra.2021.32>
- Nkrumah, M. A., Asafo-Adjei, R., & Akossey, M. (2023). Evolving from physical to electronic classrooms: Implications for quality assurance in a selected technical university. *Cogent Social Sciences*, 9(2). <https://doi.org/10.1080/23311886.2023.2255421>
- WHO. (2020). Coronavirus Disease 2019 Situation Report 51 - 11th March 2020. *WHO Bulletin*, 2019(March), 2633. <https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019> (accessed on 30 May 2024).